

Keunikan perubatan forensik tawan hati Dr Ahmad Shafiee

Kerjaya ini mampu kenal pasti punca kematian

Rasa dingin menusuk tubuh tatkala melangkah masuk ke salah satu ruang di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Pandangan tertumpu pada 56 pintu peti sejuk yang tertutup rapi di sekeliling ruang berkenaan dengan beberapa tag nama kelihatan kemas tersusun.

Dr Ahmad Shafie Ahmad Amran memberitahu, terdapat 36 tempat penyimpanan mayat khusus untuk golongan dewasa manakala selebihnya adalah untuk bayi dan janin.

Beliau yang mula berkhidmat sebagai Pakar Perubatan Forensik Jabatan Perubatan Forensik HKL sejak Julai 2012 telah menamatkan pengajian selama empat tahun dalam bidang patologi forensik di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Graduan Ijazah Doktor Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) tersebut, mula meminati bidang berkenaan ketika bertugas sebagai pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan, Hospital Sibu, Sarawak.

"Ketika itu, kes-kes kematian yang dibawa polis memerlukan bedah siasat dan akan dilakukan pegawai perubatan bertugas di Jabatan Kecemasan.

"Setelah beberapa kali mengendalikan kes-kes terbabit, minat mula lahir secara semula jadi," ujar lelaki berusia 37 tahun itu.

Selepas itu, beliau telah memohon untuk berpindah ke Jabatan Forensik yang baharu sahaja beroperasi di

Kuching, Sarawak.

Dr Ahmad Shafie memberitahu, keunikan bidang forensik berbanding bidang-bidang klinikal utama lain adalah dari segi skop kerja dan kepelbagaiannya kematian.

Cabaran

Katanya, cabaran utama sebagai pakar forensik adalah mereka merupakan individu bertanggungjawab dalam menjalankan bedah siasat medikolegal bagi kes-kes jenayah dan memberikan punca kematian kepada pegawai penyiasat.

"Cabaran semakin dirasai apabila kes rumit sehingga menyukarkan kami mengenal pasti punca kematian paling tepat.

"Bagi kes-kes pemeriksaan klinikal forensik pula, cabaran utama ialah menentukan kecederaan dihadapi oleh mangsa sama ada disebabkan pihak ketiga, buatan sendiri atau kemalangan," tuturnya lanjut.

Selain itu, beliau menjelaskan, cabaran lain yang perlu dihadapi pakar forensik adalah dipanggil pihak mahkamah sebagai saksi pakar.

Ulasnya, pakar forensik perlu mempertahankan hasil penemuan bedah siasat atau pemeriksaan klinikal forensik bagi kes tersebut sekiranya dicabar oleh peguam bela.

Untuk itu, Dr Ahmad Shafie memberitahu, paling utama pakar forensik perlu sentiasa kekal tenang dalam apa jua situasi.

"Sekiranya, terdapat sebarang masalah yang memerlukan pandangan pihak ketiga, saya akan rujuk pakar perunding forensik di jabatan terutama kes-kes rumit," sambungnya.

Bericara lebih lanjut mengenai saksi pula, ulasnya, persediaan awal perlu



DR AHMAD SHAFIEE



Pakar forensik bertanggungjawab menjalankan bedah siasat medikolegal bagi kes-kes jenayah dan memberikan punca kematian kepada pegawai penyiasat berdasarkan hasil bedah siasat.

dilakukan untuk mengelak sebarang masalah di mahkamah.

Skop kerja

Dr Ahmad Shafie menjelaskan, skop kerja pakar perubatan forensik berbanding pakar-pakar daripada bidang klinikal lain.

"Selain bertanggungjawab menjalankan bedah siasat dan memberikan punca kematian, kerjaya ini memerlukan kami bekerja di luar kawasan pejabat.

"Kami perlu ke lokasi kejadian untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci," katanya.

Justeru, beliau memberitahu, bidang berkenaan amat sesuai bagi mereka yang menggemari cabaran bekerja di lapangan dan keinginan untuk mengetahui serta menyiasat punca kematian.

Tuturnya lagi, skop kerja sebagai pakar perubatan forensik di dalam negara adalah sama.

"Bagaimanapun, terdapat perbezaan apabila sesetengah pakar perubatan forensik menyambung pengajian dalam bidang pengkhususan diminati mereka.

"Antaranya klinikal forensik, pediatrik forensik, histopatologi forensik, kardiologi forensik dan neuropatologi forensik," ujarnya.

Dr Ahmad Shafie menasihati, para pelajar yang ingin memilih kerjaya sebagai pakar perubatan forensik perlu mempunyai minat mendalam terhadap bidang itu.

"Jika sudah meletakkan sasaran, para pelajar boleh memulakan perancangan dengan memasuki universiti tempatan atau antarabangsa yang menawarkan kursus doktor perubatan.

"Selepas tamat pengajian, mereka boleh meneruskan pembelajaran dalam bidang perubatan forensik untuk menggapai impian bergelar pakar perubatan forensik," katanya.

Tambah beliau, kemungkinan terdapat segelintir para pelajar yang terpengaruh dengan rancangan-rancangan di kaca televisyen sebagai pemangkin semangat menceburti bidang berkenaan.



Sebahagian peralatan pembedahan yang digunakan oleh pakar forensik termasuk rib knife, slicing knife, gunting, pembaris dan lain-lain.

INFO

Jenis-jenis forensik

1 Forensik digital

Forensik digital merupakan proses menganalisa bukti digital untuk mengetahui tentang sesuatu senario aktiviti digital.

2 Forensik seni

Ia melibatkan kes-kes pengesahan seni untuk membantu menyelidik kesihihan sesuatu kerja bagi mengesahkan serta mengenal pasti pemalsuan dan penyalinan karya-karya seni.

3 Forensik kejuruteraan

Ia termasuk penyiasatan struktur, bahan atau komponen yang gagal atau tidak berfungsi dengan baik menyebabkan kerosakan pada harta benda atau kecederaan diri. Bidang ini juga berkaitan dengan menjelajah semula mekanisme yang rosak sehingga mengakibatkan kemalangan.

4 Forensik kimia

Bidang ini merangkumi aplikasi kimia, teknik pengumpulan sampel, kaedah dan alatan analisis untuk menilai tempat kejadian jenayah dengan mengumpul serta menganalisis bukti kimia.